

# Berjimat cermat ketika puasa, Aidilfitri

PUTRAJAYA 2 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan umat Islam supaya tidak boros serta mengelakkan pembaziran ketika berpuasa dan menyambut perayaan Aidilfitri.

Perdana Menteri berkata, sikap berjimat-cermat itu sebenarnya bergantung kepada diri masing-masing dan hanya mereka yang menentukan berapa banyak wang akan dibelanjakan.

"Ini keputusan (berbelanja) kita bukan keputusan sesiapa.

"Itu satu perkara kerana duit ini kalau nak ikut belanja tak pernah cukup, tapi kalau tahu berjimat cermat maka perbelanjaan tidak jadi keterlaluan dan mungkin tidak akan menjadi satu beban berat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md Zin dan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Abdullah berkata, pada bulan Rama-

dan, kebiasaannya orang ramai memerlukan wang yang banyak kerana pada masa itu pelbagai perbelanjaan dikeluarkan sama ada untuk membeli makanan, baju baru dan membantu orang miskin.

Makanan pun banyak membazir, hidangan lebih banyak daripada hari biasa bukan seperti bulan lain.

"Bulan Ramadan biasanya hidangan diberikan melebihi, kononnya orang makan lebih tapi sebenarnya buka puasa, makan seperti biasa," katanya.

Beliau memberitahu, perbelanjaan turut dikeluarkan untuk membeli keperluan pulang ke kampung termasuk hadiah atau memberi duit raya kepada adik-beradik dan sanak-saudara.

Bagi yang bukan Islam pula, katanya, mereka juga memerlukan duit untuk membeli hadiah atau hamper untuk rakan-rakan beragama Islam.

"Inilah bulan Ramadan dan kawan kita yang bukan beragama Islam, mereka beli hadiah. Masa perayaan lain, umat Islam juga beli hadiah dan hamper pada kawan-kawan.

"Namun inilah kemeriahan perayaan," katanya.